

# Pengurusan Pengajian Islam Terhadap Mualaf

## [Management of Islamic Studies to Mualaf]

**BITARA**

Volume 7, Issue 1, 2024: 216-228  
© The Author(s) 2024  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 12 February 2024  
Accepted: 25 February 2024  
Published: 13 March 2024

Nur Shuhadah Abdul Rahim,<sup>1</sup> Suhaila Abdullah,<sup>1</sup> Nur Izzaty Mohamad<sup>1</sup>

1 Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Gelugor, Pulau Pinang, MALAYSIA.  
E-mail: aila@usm.my

\*Corresponding Author: aila@usm.my

### Abstrak

Islam makin mendapat tempat dalam masyarakat bukan Islam di Malaysia. Jumlah mualaf yang semakin meningkat menjadi tanggungjawab setiap Muslim sama ada individu, komuniti atau kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menyampaikan ajaran Islam kepada orang bukan Islam. Oleh itu, bimbingan Islam dari segi akidah, ibadah, akhlak, dan pengurusan hidup merupakan suatu keperluan mendesak kepada para mualaf. Objektif kajian ini dijalankan adalah bagi menganalisis pengurusan kelas pengajian Islam yang disediakan kepada mualaf dari segi kesesuaian pengurusan kelas pengajian tersebut kepada kehidupan para mualaf. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mengumpulkan data menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan merujuk buku-buku serta jurnal yang berkaitan dengan pengajian Islam kepada mualaf serta menggunakan kaedah temubual tidak berstruktur kepada mualaf yang sedang mengikuti kelas pengajian Islam. Terdapat cabaran dari pihak mualaf sendiri untuk memenuhi pengajian Islam yang disediakan termasuk masa pelaksanaan kelas, kekangan pengurusan keluarga dan bahasa yang digunakan. Hasil dapatan analisis menunjukkan bahawa usaha bimbingan yang berterusan wajar diaplikasikan kepada mualaf selepas mereka memeluk Islam. Disebabkan pengajian Islam ini sangat penting untuk memberi sokongan kefahaman dan praktikaliti dalam kehidupan baru mualaf, maka pengurusan kelas pengajian Islam ini haruslah menepati keperluan mualaf supaya mualaf mendapat kebaikan sepenuhnya dari kelas pengajian Islam yang dijalankan sehingga mereka dapat mempraktikkan sebaiknya apa yang telah dipelajarinya dalam kehidupan sebenar selepas menamatkan pengajian Islam di pusat perlindungan mualaf tersebut dapat meningkatkan kesejahteraan hidup mualaf dan mengurangi kesan negatif dalam kehidupan mereka.

**Kata kunci:** mualaf, pengajian, bimbingan, analisis, pengurusan

### Abstract

*Islam is increasingly gaining a place in the non-Muslim community in Malaysia. The growing number of converts is the responsibility of every Muslim whether individual, community or government and non-governmental organization (NGO) to convey the teachings of Islam to non-Muslims. Therefore, Islamic guidance in terms of belief, worship, morals, and life management is an urgent need for converts. The objective of this study was to analyze the management of Islamic study classes provided to converts in terms of the suitability of the management of the study class to the lives of the converts. This study is a qualitative study that collects data using the literature review method by referring books and journals related to Islamic studies to converts and using unstructured interview methods to converts who are following Islamic studies classes. There are challenges from the converts themselves to meet the Islamic studies provided including class implementation time, family management constraints and the language used. The results of the analysis show that continuous guidance efforts should be applied to converts after they embrace Islam. Because Islamic study is very important to support understanding and practicality in the new life of the convert, the management of this Islamic study class must meet the needs of the convert so that the convert will get the full benefit from the Islamic study class that is conducted so that they can put into practice*

*what they have learned in real life after completing Islamic studies at the convert protection center can improve the well-being of converts and reduce the negative effects in their lives.*

**Keywords:** converts, studies, guidance, analysis, management

**Cite This Article:**

Nur Shuhadah Abdul Rahim, Suhaila Abdullah & Nur Izzaty Mohamad. (2024). Pengurusan Pengajian Islam Terhadap Mualaf [Management of Islamic Studies to Mualaf]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(1): 216-228.

## Pengenalan

Mualaf merupakan istilah yang bersifat multidimensi dan biasanya ditafsirkan mengikut perspektif bahasa dan peradaban. Mengikut perspektif bahasa, istilah mualaf sering kali diterjemahkan sebagai perkataan yang berasal dari kata dasar iaitu *allafa* yang bermaksud mengumpulkan sesuatu dengan yang lain (Sebaliknya dalam perspektif peradaban, *mualafat* ditafsirkan sebagai saudara baru yang menganut agama Islam setelah mereka meninggalkan agama asal (Rugayah, Fariza & Hilmi 2014). Mualaf adalah mereka yang telah mengubah kepercayaan dan agama mereka kepada Islam. Individu yang hatinya telah disentuh oleh Islam ini memerlukan perhatian, bimbingan, dan dorongan yang sesuai untuk membantu mereka memahami aspek-aspek agama, terutama dalam hal akidah dan amalan asas seperti konsep bersuci, mandi, solat, puasa, dan lain-lain. (Mohd Subri et al., 2018)

Perkataan mualaf juga ada disebut di dalam al-Quran melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah, ayat 60:

“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk (memerdekaan) hamba sahaya, untuk (membebaskan) orang yang berhutang, untuk jalan Allah SWT dan untuk orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai kewajipan daripada Allah SWT. Allah SWT Maha Mengetahui, Maha Bijaksana.”

Ibnu Manzur dalam *Lisan al-'Arab* telah mentafsirkan mualaf sebagai satu perkataan yang berasal dari kata dasar *allafa* yang mempunyai maksud yang pelbagai. *Allafa* boleh membawa maksud menjadikan sesuatu angka kepada unit ribu, mengumpulkan sesuatu dengan yang lain, dan mengarang kitab (Ibn Manzur, 1996: 179-181).

Sayyid Qutb (2000) pula telah menafsirkan mualaf sebagai golongan manusia yang kembali kepada Islam serta kekal dan mengamalkan ajaran Islam dengan sebaiknya dalam kehidupan. Beliau juga menjelaskan bahawa pemberian zakat kepada golongan mualaf merupakan salah satu inisiatif yang dapat menyatukan hati, mengukuhkan serta menambahkan rasa cinta mereka terhadap agama Islam pada fasa awal pemelukannya.

Manakala al-Qurtubi (2004) pula telah menjelaskan maksud mualaf dengan pengertian yang lebih mendalam. Beliau menyatakan bahawa mualaf yang dimaksudkan di dalam Surah al-Taubah tersebut adalah segelintir orang yang baru memeluk Islam secara lahiriah pada zaman awal kemunculan Islam namun keyakinan mereka terhadap agama Islam adalah masih

lemah. Demikian itu, mualaf dapat dirumuskan sebagai golongan yang baru memeluk Islam dan memerlukan bimbingan untuk memahami agama Islam.

Menurut statistik keluaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), jumlah mualaf di Malaysia yang direkodkan dari tahun 2000 sehingga 2012 adalah seramai 106,747 orang dan ini menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa. Angka sebenar mungkin jauh lebih besar lagi kerana dijangkakan masih terdapat sekelompok mualaf yang belum mendaftarkan diri mereka secara rasmi atas beberapa sebab yang tidak dapat dilakukan. Melihat kepada peningkatan jumlah mualaf ini, adalah menjadi tanggungjawab setiap Muslim sama ada individu, komuniti atau kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan untuk menyampaikan ajaran Islam kepada orang bukan Islam. Sehubungan dengan peningkatan bilangan mualaf dari semasa ke semasa, usaha bimbingan yang sesuai harus diberikan kepada mualaf selepas mereka memeluk Islam. (Hariman Surya Siregar, 2020)

Walaupun mualaf atau nama saudara baru seolah-olah merujuk kepada perbezaan kelompok etnik dan kebudayaan, hakikatnya mereka adalah golongan Muslim yang mempunyai hak yang sama seperti Muslim Malaysia yang lain. Dilihat dari sudut ini, pengajaran dan pembelajaran golongan ini adalah hak yang paling utama ditunaikan sebaik sahaja mereka memeluk Islam (Razaleigh Muhamat @ Kawangit 2014). Bagi menyemai kefahaman tentang Islam kepada golongan mualaf, usaha-usaha berterusan terhadap pengajaran dan pembelajaran diperlukan daripada pihak bertanggungjawab tidak kira kerajaan atau bukan kerajaan dalam menguruskan mualaf agar Islam yang dianuti mereka akan benar-benar memandu mereka kepada kehidupan yang lebih baik. Pasca pengislaman, adalah menjadi fardu kifayah khususnya bagi institusi berkuasa memainkan peranan untuk membimbang para mualaf ini ke arah pemahaman Islam yang sebenar. Dengan pendidikan yang mantap dan holistik, serta sokongan rohani dan jasmani, akan mampu memantapkan akidah mualaf seraya membendung mereka daripada kembali ke agama asal mereka (Adenan et al., 2021).

Menjalani proses penukaran agama akan menimbulkan pelbagai cabaran bagi saudara baru, sama ada pada peringkat awal memeluk Islam, di pertengahan perjalanan, atau ketika mereka sedang mengukuhkan penghayatan Islam dalam diri. Dalam usaha mencari kebenaran, saudara baru akan melalui beberapa peringkat di mana pada masa tersebut mereka memerlukan ilmu, kesabaran, dorongan, sokongan, nasihat, dan motivasi berterusan untuk menghadapi setiap cabaran sehingga akhirnya mencapai ketenangan jiwa mereka (Nur A'thiroh Masyaa'il & Fariza Md Sham, 2009). Ini menjadi keperluan yang mendesak kepada pihak bertanggungjawab untuk memberi sokongan kepada para mualaf supaya tidak berlaku gejala murtad selepas memeluk Islam kerana kekurangan bimbingan dan sokongan. Apabila berlakunya kelemahan dari segi kefahaman Islam, mualaf seolah-olah tidak mempunyai petunjuk yang betul seperti mana dia harus hidup sebagai seorang Muslim.

Di samping bantuan berbentuk kewangan kepada mualaf, kebajikan mualaf turut diuruskan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan NGO melalui bantuan perlindungan di rumah penempatan sementara, bantuan pendidikan dengan menanggung kos pengajian mualaf di institusi-institusi terpilih, bantuan kos atau alat perubatan, bantuan perkahwinan dan banyak lagi. Dalam sesetengah keadaan seperti di Kelantan, pihak NGO akan membantu mualaf dalam membuat permohonan untuk mendapatkan bantuan di MAIN atau JAIN memandangkan kekurangan dana di peringkat NGO itu sendiri (Abu Bakar & Ismail, 2018).

Sebagai saudara baru, mereka tidak terlepas dari pelbagai cabaran yang mampu menggugat keimanan sekiranya ia tidak teguh. Permasalahan yang mengganggu kehidupan saudara baru dikhuatiri memberi kesan dan kembali kepada agama asal mereka. Saudara baru mempunyai pelbagai latar belakang yang berlainan dan memerlukan pendekatan yang berbeza dalam proses bimbingan, pendidikan, kebajikan dan sokongan kepada golongan saudara baru. Kelemahan dan kesilapan yang berpunca daripada persepsi yang kurang tepat menyebabkan ramai kalangan saudara baru terabai, terasa hambar, tersalah pendekatan dan menjadi bermasalah kembali kepada kepercayaan asal (Syarul Azman et al, 2016). Pihak bertanggungjawab harus mengambil kira cabaran dalam kehidupan mualaf dalam menyediakan bimbingan dan bantuan kepada mereka supaya bantuan yang disediakan benar-benar dapat membantu mualaf meneruskan kehidupan dengan baik selepas memeluk Islam.

Tinjauan literatur dalam kajian ini memfokuskan kepada faktor-faktor mualaf murtad dan kaitannya dengan keperluan kepada pengurusan kelas pengajian Islam yang efektif dan memenuhi keperluan mualaf.

## **Tinjauan Literatur**

Banyak faktor yang boleh dikaitkan dengan masalah murtad atau peralihan agama dalam kalangan Melayu dan mualaf. Faktor-faktor atau punca-punca ini perlu dikaji dan didalami agar dapat dibendung masalah murtad dalam kalangan Muslim terus meningkat.

### **Kurang Pemantauan dan Bimbingan Pada Fasa Awal**

Mualaf merupakan orang yang baru memeluk Islam dan sangat memerlukan pemantauan dari pihak bertanggungjawab. Lebih mendukacitakan, akibat daripada kurangnya pemantauan, sokongan dan bimbingan, terdapat segolongan mualaf yang bertekad untuk keluar dari Islam (Adil et al,2010). Disebabkan oleh tiada penghayatan pada agama Islam dan tidak melaksanakan ajaran Islam seperti yang dituntut apabila tiada pemantauan dari pihak berkuasa, maka mualaf memilih untuk murtad (Syarul et al., 2017). Para mualaf masih cetek ilmunya dari semua aspek Islam, maka menjadi *urgensi* kepada pihak bertanggungjawab untuk secepatnya menguruskan bimbingan pengajian Islam kepada mualaf sejurus selepas memeluk Islam. Jika tidak, mualaf tidak mampu untuk menghadapi cabaran hidup sebagai seorang mualaf kerana semua aspek kehidupannya baru dan memerlukan kefahaman yang jelas untuk melaksanakannya.

Dalam pada itu, Mohd Azam (2010) turut menjelaskan bahawa kebanyakan golongan mualaf di Negeri Selangor kembali menganut agama asal mereka kerana kegagalan mereka mendalami agama Islam. Hal ini menunjukkan bahawa tidak mendapat bimbingan agama merupakan faktor utama seseorang mualaf meninggalkan agama Islam. Beliau menyatakan bahawa sememangnya tahap bimbingan dan pengetahuan tentang agama Islam mempunyai hubung kait yang signifikan untuk mencetuskan kecenderungan gejala murtad. Kegagalan memahami agama Islam menyebabkan mereka salah faham berkaitan isu-isu kebebasan, penindasan wanita, jumud. Apabila salah faham berlaku dan tiada pembetulan dari segi kefahaman yang berlaku dari pihak yang lebih berilmu, para mualaf akan merasa tertekan,

berada dalam keadaan keliru dan akan mudah mengambil keputusan untuk murtad dan kembali ke agama sebelumnya. Oleh itu, pihak bertanggungjawab perlulah mempunyai pengurusan bimbingan kefahaman Islam yang tersusun dan benar-benar dapat membantu mualaf kepada kelangsungan hidup.

Menurut, kajian Jalal & Ghani (2017), antara sebab mualaf murtad adalah kerana kurangnya pemantauan dari pihak berkuasa atau agensi agama di luar kelas waktu kelas pengajian Islam. Mualaf sangat memerlukan pemantauan dari segi praktikaliti mereka dalam kehidupan. Walaupun mereka sudah dewasa, namun kefahaman Islam mereka masih baru dan sangat memerlukan banyak program tambahan sebagai sokongan kepada mereka. Melihatkan perkara ini, kita dapat bahawa pengurusan mualaf bukan sahaja tertakluk kepada aktiviti di tempat perlindungan mualaf sahaja, malah pihak bertanggungjawab harus mempunyai perancangan yang lebih sistematik dari segi memantau keperluan mualaf di luar kawasan pusat perlindungan mualaf.

Pertambahan bilangan mualaf tidaklah membuatkan kita sebagai Muslim sekadar bergembira dengan angka Muslim yang makin meningkat, sebaliknya kajian ini mendapati selagi mana bilangan mualaf yang murtad juga terus meningkat, pihak bertanggung jawab harus memantau semula sebab kepada kemurtadan saudara baru kita ini. Bimbingan Islam selepas mualaf memeluk Islam merupakan suatu keperluan yang sangat penting untuk dapat memastikan mualaf hidup dengan ajaran dan kefahaman sebenar sebagai seorang Muslim. Pemantauan dari segi bimbingan pengajian Islam haruslah dibuat berkala oleh pihak bertanggungjawab dan mereka harus turun padang ke rumah para mualaf dan memantau faktor-faktor kemurtadan tersebut walaupun tempoh pemberian bantuan pada fasa awal selepas tempoh tertentu selepas memeluk Islam sudah tamat.

## Masalah Tekanan Mental yang Dialami Mualaf

Menurut kajian, Dato', K. Badli et al (2022), tidak disangkal bahawa terdapat juga segelintir dalam kalangan mualaf yang memeluk Islam mengalami masalah tekanan mental atau psikologi yang membuka ruang kepada kehilangan kepercayaan mereka terhadap agama Islam. Hal ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor dalaman seperti keluarga dan sebagainya. Memeluk Islam bererti mualaf tersebut akan mempunyai kehidupan baru pada hampir semua sisi kehidupannya. Perubahan akan berlaku dari segi pakaian, cara beribadah, cara pemakanan, cara bergaul, pekerjaan dan lain-lain. Perkara ini tidak boleh dipandang enteng oleh pihak yang bertanggungjawab kerana kita tidak mahu mualaf tidak mendapatkan kesejahteraan atau ketenangan selepas memeluk Islam, sedangkan itu adalah salah satu elemen penting dalam Islam iaitu memberi ketenangan kepada penganutnya. Cabaran keluarga, pekerjaan dan sebagainya selepas memeluk Islam harus dihadapi dengan bantuan pelbagai pihak termasuk pihak bertanggungjawab, jiran, rakan sekerja Muslim. Ada juga yang dipaksa berhenti kerja dan dibuang keluarga kerana memeluk Islam.

Bagi mengetuk pintu hati mualaf yang masih belum kembali kepada fitrah atau masih lagi goyah lantaran cabaran dan tekanan hidup yang menghimpit, aktiviti dakwah dan kaunseling anjuran pihak berwajib juga amat diperlukan. Dakwah secara berhikmah dapat dilakukan melalui metode tinjauan (*follow up*) secara berkala sama ada dengan berziarah ke rumah mualaf atau menelefon mereka bagi mengetahui keadaan semasa yang dihadapi.

(Ridhuan Tee, 2012) Aktiviti ziarah saudara baharu ini perlu diadakan secara berkala dari rumah ke rumah bagi meninjau keadaan semasa mualaf di luar kelas dan di luar program rasmi yang diadakan. Ini membolehkan kita dapat menyaksikan realiti kehidupan mualaf di rumahnya sendiri dan memberikan bantuan yang sesuai kepada mereka.

Di samping bertukar cerita dan menyelami kisah kehidupan keluarga mualaf, ziarah tersebut turut dilaksanakan dengan membawa bersama sumbangan barang keperluan asas untuk diberikan kepada pihak mualaf. Aktiviti ziarah saudara baru seumpama ini seharusnya dilaksanakan di semua negeri kerana ia menjadi nadi dakwah dalam menunjukkan keprihatinan masyarakat Islam kepada golongan mualaf sekaligus dapat memberi bantuan yang tidak sampai kerumah mualaf.

Jadual 1: Perincian sebab mualaf keluar Islam mengikut faktor (Jalal & Ghani (2017)

Kategori	Perincian
Persekitaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kurang bantuan dan sokongan daripada masyarakat Islam</li> <li>Kurang bimbingan daripada masyarakat dan pasangan</li> <li>Cara hidup masyarakat Islam yang tidak mencerminkan ajaran Islam sebenar</li> <li>Masih terpengaruh dengan agama asal</li> <li>Gagal menyesuaikan diri dengan agama baru</li> </ul>
Agama	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kurang kefahaman tentang Islam</li> <li>Tidak mampu mempelajari Islam agama Islam kerana buta huruf</li> </ul>
Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kurang pemantauan dari pihak berkuasa atau agensi agama</li> <li>Niat untuk memeluk Islam tidak jelas (untuk berkahwin atau dapatkan bantuan)</li> </ul>
Harta	<ul style="list-style-type: none"> <li>Masalah kewangan yang kritikal</li> <li>Bantuan tidak konsisten dan tidak mencukupi</li> <li>Bantuan kewangan dari institusi agama bukan Islam</li> </ul>
Faktor - X	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tidak tahu wujud institusi Islam yang boleh memberi sokongan fizikal dan mental kepada mualaf</li> </ul>

Oleh itu, pihak bertanggungjawab yang menguruskan mualaf tidak boleh berpuas hati hanya dengan bimbingan pengajian Islam sedia ada sahaja. Melihat kepada kajian terdahulu, bagi mengelakkan berlakunya murtad pada golongan mualaf kerana ceteknya ilmu tentang Islam, pengurusan pengajian Islam yang disediakan kepada mualaf pada fasa awal pemelukan Islam haruslah dilaksanakan selaras dengan keperluan para mualaf. Rentetan daripada itu, perhatian yang sewajarnya harus diberikan kepada golongan ini supaya dapat memantau perkembangan, pemahaman, penghayatan terhadap agama Islam untuk mengelakkan berlaku kekeliruan atau kecelaruan dalam memahami agama Islam. Pengurusan bimbingan pengajian Islam yang dihadiri mereka haruslah dapat membantu para mualaf menjalani kehidupan.

## **Tempoh Pengajian Ditetapkan Mengikut Kesesuaian dan Kekangan Pihak Bertanggungjawab yang Menguruskan Mualaf**

Di Malaysia terdapat banyak badan pertubuhan Islam seperti Kerajaan dan bukan Kerajaan (NGO) yang memainkan peranan untuk menjaga keperluan dan kebajikan mualaf (Kasim et al., 2017). Menurut Kasim dan rakan-rakan, pertubuhan berkenaan wujud sebagai mengambil tanggungjawab fardu kifayah bagi memastikan golongan mualaf mendapat bimbingan,

perlindungan dan kebajikan. Walau bagaimanapun, majoriti mualaf adalah bernaung di bawah NGO. Meskipun, badan-badan NGO dan Kerajaan prihatin terhadap isu bimbingan, perlindungan dan kebajikan mualaf, namun penyelenggaraannya adalah selama enam bulan sahaja. Kekangan yang dihadapi oleh pihak NGO dari segi kewangan menjadi limitasi untuk memanjangkan tempoh bantuan yang boleh diberikan kepada mualaf. Tambahan lagi, badan pertubuhan kerajaan pula mempunyai cabaran dari segi pengurusan dalam. Ini boleh menyebabkan berlaku limitasi terhadap mualaf yang ingin belajar lebih mendalam.

## **Penggunaan Bahasa Melayu dalam Kelas Menjadi Kekangan kepada Mualaf Berbangsa Cina dan India**

Kebanyakan penduduk di Baitussalam berasal dari keturunan Cina dan India. Penguasaan Bahasa Melayu di kalangan mereka agak lemah. Keadaan ini menimbulkan cabaran kepada guru yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai medium pengajaran dalam proses pembelajaran dan pendidikan. Beberapa dari mereka mengemukakan pandangan bahawa bahasa pengantar juga menjadi halangan bagi mereka untuk memahami dengan lebih cepat setiap mata pelajaran yang diajarkan. (Mohd Arif et al., 2021)

Kajian daripada beberapa pengkaji menyatakan, dengan menggunakan pendekatan zaman Rasulullah SAW tergambar dalam cara pelaksanaan dakwah yang digunakan oleh badan-badan dakwah, sama ada yang di bawah naungan kerajaan atau bukan kerajaan, di Malaysia. Gabungan pendekatan ini melahirkan program dan aktiviti dakwah yang bersifat menyeluruh, integratif, dan dinamik sesuai dengan keperluan semasa mualaf. Analisis kajian terhadap metodologi dakwah mualaf badan-badan seperti PERKIM, ABIM, MACMA, PIMM, USIA, dan HIKMAH menunjukkan penggunaan empat pendekatan utama dalam program mereka untuk mencapai penerimaan dan keterlibatan daripada kumpulan sasaran, iaitu pendekatan *bi al-hikmah*, *bi al-tarbiyyah*, *bi al-hal*, dan *bi al-lisan*. Keunikan program-program tersebut terlihat melalui komunikasi dakwah yang berkesan dengan menggunakan bahasa tempatan *mad'u* dalam kelas pengajian, integrasi budaya melalui aktiviti ekonomi dan seni, perkongsian pengalaman melalui platform dialog dan forum, serta kerjasama antara badan-badan dakwah dalam aktiviti kebajikan. (Nur A'thiroh & Abdul Imam, 2014; Anuar Puteh et.al, 2015; Razaleigh et.al., 2015; Roslieza, 2017; Nurul Izzatil & Nazreen, 2019; Mohd Zuhaili et.al., 2019). Dapatkan ini mendapat sangat penting untuk menjalankan kelas pengajian Islam kepada mualaf dalam bahasa tempatan mereka kerana tujuan kelas pengajian tersebut dijalankan adalah untuk menanamkan kefahaman Islam sebenar kepada mualaf sehingga mereka dapat mempraktikkannya dalam kehidupan mereka.

## **Penetapan Silibus yang Pelbagai di Setiap Tempat Pengurusan Mualaf Menentukan Tempoh Pengajian Islam Berbeza**

Walaupun jadual pengajian berkaitan tauhid, fiqh, hadis, dan lain-lain telah disediakan kepada pembimbing, kurikulum yang sistematik dan silibus masih belum diterapkan sepenuhnya, dan ianya bergantung sepenuhnya kepada kebijaksanaan pembimbing. Pembimbing dibekalkan dengan buku KFAM yang tidak selaras dengan keperluan pengajian di Baitussalam. (Ahmad et

al., 2021) Walaupun setiap tempat mempunyai silibus atau buku yang digunakan untuk beberapa tempoh pengajian Islam di tempat tersebut, tetapi ia masih bergantung kepada kualiti pengajar dan juga silibus yang digunakan.

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mengumpulkan data menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan merujuk buku, artikel serta jurnal yang berkaitan fatwa daripada sumber primer dan sekunder yang diakses melalui laman sesawang dan secara bercetak. Selain itu, kajian ini mengumpulkan data menggunakan kaedah temubual tidak berstruktur dengan mengadakan temubual bersama para mualaf yang sedang mengikuti kelas pengajian Islam di pusat pengajian Islam mualaf.

## Analisis Kajian dan Dapatan

Menurut kajian Adenan et al. (2021), analisis terhadap tiga modul bimbingan pengajian Islam telah dibuat, iaitu; Modul Pendidikan Darul Hidayah (MAWIP), Modul Pendidikan Hidayah Centre dan Modul Pendidikan Baitus Salam (LZS). Ketiga-tiga modul mualaf ini dipilih adalah kerana ia merupakan antara modul pendidikan mualaf yang telah lama digunakan di tempat pengajian tersebut dan sering menjadi rujukan kepada negeri-negeri lain dalam pendidikan agama Islam kepada mualaf. Hasil kajian mendapati ketiga-tiga tempat pengajian tersebut menunjukkan perbezaan dalam tahap, tempoh dan subjek pengajian Islam di setiap tempat tersebut.

Jadual 2: Perbandingan subjek di tempat perlindungan mualaf

Item	Hidayah Centre (HC)	Darul Hidayah (DH)	Baitus Salam (BS)
Tahap	3	4	2
Tempoh	1 tahun 6 bulan	2 tahun	6 bulan
Subjek	1. Akidah 2. Ibadah 3. Akhlak 4. Perundangan Islam 5. Muamalat 6. Sirah & Tamadun Islam 7. Quran & Hadis 8. Munakahat 9. Dakwah dan Perbandingan	1. Akidah 2. Ibadah 3. Muamalat 4. Quran 5. Hadis 6. Akhlak 7. Sirah 8. Pembangunan Agama 9. Isu-isu mualaf	1. Tauhid 2. Fiqah 3. Akhlak 4. Sirah 5. Tafsir 6. Hadis 7. Praktikal

Pembelajaran di Darul Hidayah (DH) dilaksanakan dalam tempoh 4 semester, dengan setiap semester mengambil masa selama 6 bulan. Oleh itu, keseluruhan tempoh pembelajaran

adalah selama 2 tahun. Setelah peserta menyelesaikan modul pertama, mereka akan menerima sijil untuk meneruskan modul seterusnya. Setelah menyelesaikan modul keempat, peserta tidak lagi dianggap sebagai mualaf dan mereka akan aktif sebagai pendakwah. Proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) berlangsung selama 8 jam setiap minggu, iaitu 4 jam pada hari Sabtu dan 4 jam pada hari Ahad. Setiap sesi, guru pembimbing akan melibatkan masa selama 1-2 jam untuk latihan amali.

Terdapat tujuh objektif Pendidikan Saudara Baru yang akan dicapai oleh Hidayah Centre (HC) dalam tempoh setahun enam bulan. Salah satunya ialah melahirkan saudara baru yang memiliki pengetahuan sekurang-kurangnya dalam perkara fardu ain dan ilmu asas Islam. Dalam tempoh enam bulan, peserta yang mengikuti pengajian di HC dapat menguasai pemahaman akidah yang jelas dan kukuh, terutamanya mengenai rukun iman dan rukun Islam. Mereka dapat melaksanakan solat dengan sekurang-kurangnya mengetahui niat, bacaan al-Fatihah, bacaan sujud, rukuk, serta tahiyyat, dan juga mengetahui asas bersuci dan mandi wajib.

Setelah mengikuti pengajian di HC selama setahun, peserta mampu melaksanakan perkara wajib seperti solat, menutup aurat, dan meninggalkan perkara yang dilarang hasil dari pemahaman yang baik berkaitan fiqh solat dan ibadah. Peserta juga dapat menghayati dan mempraktikkan nilai-nilai murni, adab, dan akhlak Islam. Dari segi bacaan al-Quran, peserta mampu membaca *Iqra* dan mengenal huruf *hija'iyyah* dengan baik.

Selanjutnya, setelah mengikuti pendidikan di HC selama setahun enam bulan, pencapaian mereka adalah mampu berdikari dan bersedia untuk bergelar mukalaf. Mereka dapat menguasai cabang ilmu pengetahuan agama yang lebih tinggi dan mendalam, serta membaca al-Quran dengan baik. Dalam tempoh ini, mereka dilatih melalui sistem usrah dan bersedia untuk dilatih menjadi *da'i* untuk berkhidmat kepada masyarakat.

Selain itu, dalam tempoh enam bulan, penghuni Baitussalam (BS) diwajibkan menghadiri 14 kelas pengajian setiap minggu. Para pelajar perlu mengikuti kelas selama 17 minggu dengan setiap subjek memakan masa selama satu jam. Tiga mata pelajaran utama, iaitu Tauhid, Feqah, dan *Iqra'*, diajar oleh guru pembimbing. Sementara mata pelajaran lain seperti praktikal lafaz azan & iqamat, praktikal *thoharah*, praktikal & bacaan dalam solat, serta kelas bacaan *iqra'* diuruskan oleh warden pembimbing. Guru pembimbing juga mengendalikan mata pelajaran *Talaqqi Al-Quran* dan Kelas Hafazan. Tambahan pula, mata pelajaran Tafsir, Akhlak, Hadis, Sirah, dan Feqah diajar oleh guru yang telah dilantik secara khusus oleh BS.

Berdasarkan perbandingan di antara 3 tempat perlindungan mualaf ini, kajian tersebut mendapati bahawa masih belum wujud lagi satu modul pengajian mualaf yang komprehensif meliputi semua aspek fardu ain dan fardu kifayah, bukan setakat memberi pendidikan agama Islam sahaja malah memberi pendidikan terhadap seluruh aspek kehidupan seharian seorang Muslim yang sempurna. Tambahan juga, tiada kajian yang melaksanakan analisis terhadap kesesuaian tempoh panjang masa pengajian bagi setiap modul yang sedang digunakan kepada mualaf.

## Kekangan Masa Untuk Menghadiri Kelas Pengajian Islam Kerana Pengurusan Kehidupan Bekerja dan Keluarga

Golongan mualaf menghadapi pelbagai cabaran dan dilema apabila masih baru memeluk Islam. Mereka memerlukan panduan dan pertolongan untuk mengubah cara hidup yang jauh berbeza. Kajian Muhammad Yusuf Marlon et al. (2017) mendapati bahawa walaupun mualaf terdiri dari kalangan mukalaf dan telah memeluk agama Islam lebih 5 tahun, namun mereka masih tidak mampu memahami Islam secara keseluruhannya. Malah kebanyakan kelas pengajian Islam hanya dapat dilaksanakan pada hujung minggu kerana kekangan masa kepada mualaf yang bekerja pada hari biasa. Oleh itu, pihak berwajib mestilah memastikan kelas bimbingan agama yang dibuat dalam kalangan saudara baru ini dilaksanakan selaras dengan keperluan dan memberi impak kepada mereka bukan sahaja semasa fasa awal pengislaman, malah selepas beberapa tahun juga, mualaf berpeluang mengikuti program-program yang dilaksanakan secara berkala oleh pihak bimbingan mualaf. Ini merupakan faktor penting untuk memastikan mualaf tidak terbiar tanpa bimbingan dan bantuan apabila mereka sudah tidak berada di pusat perlindungan mualaf dan mengikuti pengajian lagi.

Selain itu, berdasarkan kajian daripada Azamuddin et al (2017), mualaf menghadapi masalah kurangnya kemahiran mengurus diri selepas pengislaman diri. Mualaf menghadapi masalah dalam menyusun jadual harian mereka apabila diarahkan untuk hadir ke kelas pengajian. Mualaf perlu kepada pengurusan hidup yang lebih sempurna dengan adanya jadual pengurusan diri. Bagi memastikan wujudnya kesejahteraan hidup mualaf, mereka menyatakan perlu menyusun jadual perjalanan hidup agar lebih teratur. Mualaf mempunyai banyak komitmen hidup terutama berkaitan kelas pembelajaran ilmu fardu ain, pekerjaan dan keluarga. Oleh itu, terdapat keperluan untuk membuat dapatan tentang masa yang sesuai untuk pelaksanaan kelas pengajian Islam. Kebanyakan mualaf masih bekerja selepas memeluk Islam, malah mereka harus juga mengikuti kelas pengajian Islam yang disediakan. Ini merupakan cabaran kepada mualaf yang bekerja dalam menyusun masa supaya dapat menyertai kelas pengajian Islam dan kelas hanya boleh diikuti pada hujung minggu sahaja kerana mereka bekerja pada hari biasa.

Menurut kajian Azman et al (2015) bertajuk Persepsi Mualaf Terhadap Pengisian Pengislaman dan Program Pembangunan Mualaf: Kajian di Negeri Sembilan mendapati, menyatakan bahawa kursus yang dianjurkan pada hujung minggu dapat memberi kemudahan kepada mualaf untuk menghadiri kursus tersebut, ini adalah kerana, kebanyakan dari mualaf mempunyai pekerjaan dan sukar bagi mereka untuk memohon cuti. Responden bersetuju selepas mereka memberi lafadz syahadah, PERKIM atau Pejabat Agama turut menyediakan jadual bagi menghadiri kursus yang disediakan. Hasil daripada menghadiri kursus yang disediakan, responden memperoleh banyak ilmu dan pengetahuan yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan.

### Tahap Pendidikan Mualaf

Dengan merujuk kepada rekod pendidikan penghuni Baitussalam pada kajian Asma Ahmad, 2021, didapati bahawa sebahagian dari mereka menghadapi cabaran dalam kemahiran

membaca dan menulis. Hal ini menunjukkan tingkat pendidikan yang rendah di kalangan mereka, yang turut menyulitkan usaha untuk meningkatkan sistem pendidikan dan memperkuatkan pemahaman terhadap agama Islam di kalangan komuniti tersebut. Pengurusan pengajian Islam kepada mualaf haruslah mengambil kira tahap pendidikan mualaf dalam menetapkan modul pengajian di tempat tersebut kerana ia akan memberi impak kepada kefahaman mualaf terhadap kelas yang disertai.

Pengurusan pengajian yang sesuai dan relevan amatlah penting kerana kita muhul menyediakan bimbingan yang relevan dan sesuai dengan keadaan mualaf dari semua sisi dan kita tidak muhul terlampaui membebankan para mualaf dan juga memastikan modul yang disediakan itu dapat dipraktikkan pada tahap yang terbaik hasil pengajian yang efektif dalam tempoh pengajian yang sesuai dan relevan. Pusat perlindungan mualaf juga harus mengambil kira cabaran kehidupan para mualaf dalam penetapan tempoh pengajian dan waktu kelas pengajian supaya ia dapat dihadiri sebaiknya oleh mualaf dan mereka mendapat bimbingan seharusnya untuk menampung segala cabaran hidup terutama pada fasa awal memeluk Islam.

## Kesimpulan

Terdapat banyak pihak bertanggungjawab dalam menguruskan bantuan kewangan dan bukan kewangan kepada mualaf. Untuk membantu para mualaf untuk menghadapi cabaran hidup baru selepas memeluk Islam dan mengelakkan daripada berlakunya murtad, bimbingan kefahaman Islam merupakan faktor penting kepada mualaf. Kelas pengajian Islam yang dijalankan oleh pusat perlindungan mualaf sangat membantu dari segi memberi kefahaman asas kepada mualaf untuk penerusan hidupnya. Oleh itu, pengurusan kelas pengajian Islam yang dijalankan di semua tempat perlindungan mualaf itu haruslah dijalankan dengan baiknya dan sesuai dengan keperluan kehidupan mualaf dengan mengambil kira cabaran dari sisi kehidupan mualaf tersebut juga. Pengurusan pengajian Islam yang efektif daripada pihak bertanggungjawab dapat memberi impak besar kepada kefahaman Islam yang betul kepada para mualaf dalam kehidupannya terutama pada fasa awal memeluk Islam.

## Penghargaan

Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil geran penyelidikan FRGS di bawah pembiayaan Kementerian Pendidikan Tinggi, Malaysia (Kod Rujukan: FRGS/1/2022/SS10/USM/02/5).

## Rujukan

- Adenan, F., Mohd Arshad, A., Mat Rani, M. A., Mohd Arif, M. I. A., Bhari, A., & Mat Rani, S. A. (2021). [Muallaf Education Module in Malaysia: Analysis of Level And Content] Modul Pendidikan Muallaf di Malaysia: Analisa Terhadap Tahap dan Kandungan. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(1), 266–276.
- Ahmad, A., Adenan, F., & Mat Rani, M. A. (2021). Analisis Aspek Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Modul Bimbingan Muallaf Baitussalam. *Kumpulan Artikel, Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam. Jurnal KESIDANG*, 5(1)

- Aimi Wafa, A., & Nur Najwa Hanani, A. R. (2020). Sokongan Sosial: Satu Keperluan dalam Pemerkasaan Saudara Baru (Social Support: A Need for Empowerment New Muslims). *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 238–253.
- Anuar Puteh, Razaleigh Muhamat@ Kawangit & Rosmani Hussin (2015). Pelaksanaan Kurikulum Bimbingan Saudara Baru di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan. Dlm. Razaleigh Muhamat@ Kawangit (pnyt.). *Isu-Isu Pengurusan Saudara Muslim*, hlm.149-164. Bangi: Penerbit UKM.
- Azamuddin Zainuddin, Salleh Amat, Noriah Mohd Ishak (2017). Kesejahteraan Diri Mualaf : Isu dan Cabaran. *E- Prosiding of 6th Global Summit on Education*.
- Azman, A. R., Irwan, M. S., & Mahazan, A. M. (2015). Persepsi Mualaf Terhadap Pengisian Pengislaman dan Program Pembangunan Mualaf: Kajian di Negeri Sembilan. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*, 6, 135-148.
- Chua Yan Piaw. (2014). Kaedah Penyelidikan. Edisi ketiga. McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Nur Zufhika, Z., & Khazri, O. (2022, July 15). *Pendekatan Dakwah Terhadap Golongan Mualaf*. Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah 2022.
- Jalal, B., & Ghani, S. (2017). Pendidikan Islam untuk Saudara Baru Anggota Angkatan Tentera Malaysia. *Journal of Education and Social Sciences*, 6(2), 328-334
- Irwan, et al. (2018). “Penerimaan Penggunaan Istilah Mualaf dalam Kalangan Mualaf di Malaysia.” *Journal of Fatwa Management and Research*. 6(1), 111–134.
- Kasim, A.Y., Abdul Hamid, S. & Jemali, M. (2017). Pengajaran Akidah dalam Kalangan Mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM. *Jurnal Perspektif*, Isu Khas 1, 89- 100.
- Mohd Arif, M. I. A., Mohd Arshad, A., Mat Rani, M. A., Adenan, M. F., Bhari, A., & Mat Rani, S. A. (2021). Sistem Pendidikan Muallaf di Malaysia: Analisa Kualiti dan Keberkesanan. *Kumpulan Artikel Zakat, Wakaf, dan Filantropi Islam*. Seminar Antarabangsa Zakat, Wakaf, Filantropi Islam, Jakarta.
- Mohd Subri, I., Ab. Rahman, A., Abdul Mutalib @ Taib, M., Mohd Dali, N. R. S., Wan Razali, M. F. A., Ibrahim, R. I., Anuar Musaddad, N., Shamsudin, S. N., & Ismail, N. (2018). Penerimaan Penggunaan Istilah Mualaf dalam Kalangan Mualaf di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 6(1), 111–134.
- Mohd Zuhaili Kamal Basir, Mohd Shafik Mohd Samsi & Norizuandi Ibrahim. (2019). Cabaran dan Pendekatan Dakwah Saudara Muslim dalam Kalangan Pendakwah Harakah Islamiah (HIKMAH): Kajian Kes di Mukah, Sarawak. Dlm. Adibah Abd. Wahab et al. (pnyt.). Potensi Muallaf Mendepani Cabaran Era Kontemporari, hlm: 1-34. Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ) & Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).
- Muhammad Yusuf Marlon Abdullah et al. (2017). Penilaian Terhadap Kursus Mualaf di Selangor. *The Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 4 (2), 227–235.
- Nor Puteh, S., T Subahan, & Mohd. Meerah (2013, September 25). Cabaran dan Isu dalam Perancangan dan Pembangunan Kurikulum Persekutuan di Malaysia: Satu Analisis Refleksi.
- Nur A'thiroh Masyaail Tan Abdullah & Fariza Md. Sham (2009). Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim. *Jurnal Hadhari*, 2, 83-97.

- Nurul Afifah Bt. Musameh & Siti Aisyah Bte Hadi Munir (2015). Isu Murtad Dalam Kalangan Saudara Baru: Satu Kajian di Negeri Selangor. [https://www.academia.edu/10041784/Isu\\_Murtad\\_dalam\\_Kalangan\\_Saudara\\_Baru\\_1\\_Kajian\\_di\\_Selangor](https://www.academia.edu/10041784/Isu_Murtad_dalam_Kalangan_Saudara_Baru_1_Kajian_di_Selangor) [1 September 2018]
- Nurul Izaati Fatihah Mohd Nazri & Nazneen Ismail (2019). Peranan Hidayah Centre dalam Pemantapan Akidah Golongan Muallaf di Sabah. Dlm. Azri Bhari et al. (pnyt.). *Potensi Muallaf Mendepani Cabaran Era Kontemporari*, hlm. 157-180. Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ) & Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit (2014). Realiti Saudara Baru. Bangi: Penerbit Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Syarul Azman, S., Mariam , A. M., Muhammad Yusuf Marlon A, A., & Fakhri, S. (2016). Isu dan Permasalahan Mualaf (Cina) di Malaysia. [conference.kuis.edu.my/irsyad/eproceeding/2016/1095-irsyad-2016.pdf](http://conference.kuis.edu.my/irsyad/eproceeding/2016/1095-irsyad-2016.pdf)
- Siregar, H. S., Mohd Nor, M. R., & Hadrullah, H. (2020). Islamic Religious Learning for Muallaf at Pesantren. *Jurnal Pendidikan Islam*, 6(2), 165–178.